



**NOTIS PERKAPALAN MALAYSIA**  
*MALAYSIA SHIPPING NOTICE*

**JABATAN LAUT MALAYSIA**  
*MARINE DEPARTMENT MALAYSIA*

**MSN 09/2020**

Ibu Pejabat Laut Malaysia, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang  
Tel : 03-33467777, Fax : 03-31685289, E-mail : [kpgr@marine.gov.my](mailto:kpgr@marine.gov.my)  
Webpage : <http://www.marine.gov.my>

---

Notis kepada pemilik kapal, agen perkapalan, Nakhoda, pelaut, pengusaha pelabuhan, Badan Yang Diiktiraf dan industri maritim.

*Notice to shipowners, ship agents, Masters, seafarers, port operators, Recognized Organization and the maritime industry*

---

**MEKANISME PEMBAHARUAN LESEN BOT SUSULAN COVID-19**

*RENEWAL OF BOAT LICENCES MECHANISME DUE TO COVID-19*

---

**Tujuan**

*Purpose*

- |  |   |
|--|---|
| <p>1. Notis ini bertujuan untuk memaklumkan kepada komuniti perkapalan mengenai mekanisme pembaharuan lesen bot susulan situasi Penyakit Virus Corona 2019 (COVID-19) dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sedang berkuatkuasa.</p> <p>2. Jabatan Laut Malaysia (JLM) mengambil maklum situasi PKP yang sedang berkuatkuasa yang boleh menjejaskan urusan pembaharuan lesen bot. Sehubungan dengan itu JLM akan melaksanakan satu mekanisme memudahcara pembaharuan lesen bot tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut;</p> <p>(i) Terpakai kepada bot berlesen yang telah tamat atau akan tamat Lesen Bot dalam tempoh PKP sahaja;</p> <p>(ii) Bot diwajibkan memiliki insuran atau sijil perlindungan yang sah sepanjang tempoh tersebut.</p> <p>(iii) Tempoh perlanjutan sah Lesen Bot terlibat adalah sehingga 2 bulan PKP ditamatkan; dan</p> | <p>1. <i>This Notice is to inform the shipping community about the renewal of Boat License in view of the Corona Virus Disease 2019 (COVID-19) and Movement Control Order (MCO) situation.</i></p> <p>2. <i>The Marine Department Malaysia (MMD) is aware of the current MCO situation which could affect the renewal of licenses for boats. In this regard, the MMD will implement a mechanism to facilitate the renewal of a boat license subject to the following conditions;</i></p> <p>(i) <i>Applicable to a licensed boat expired in or during the MCO period only;</i></p> <p>(ii) <i>Mandatory requirement for Boat to have insurance coverage or financial guarantee during that period.</i></p> <p><i>The extension period of license boat is valid up to 2 months from the termination of the MCO ; and</i></p> |
|--|---|

(iv) Bot-bot yang terlibat adalah diwajibkan untuk diperiksa dalam tempoh 2 bulan selepas PKP ditamatkan

DAN

Pemilik Bot adalah diwajibkan mengemukakan Surat Aku Janji kepada Pegawai Pelabuhan meliputi bukti-bukti utama kebolehlayaran bot seperti berikut;

- (i) Rekod keselamatan bot bagi tempoh satu tahun terkini;
- (ii) Rekod penyelenggaraan bot (atau buku rekod bot) bagi tempoh satu tahun terkini;
- (iii) Sijil pengesahan kekompetenan pemandu bot bagi tempoh satu tahun; dan
- (iv) Pegawai Pelabuhan boleh meminta maklumat tambahan sehingga berpuashati sebelum meluluskan pengeluaran lesen.

3. Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab pemilik bot untuk memastikan Salinan sijil perlindungan atau e-cover note insuran dibawa bersama ketika bot tersebut beroperasi di dalam tempoh PKP.
4. Kegagalan pemilik bot membuat permohonan pemeriksaan bot kepada Pejabat Pelabuhan dalam tempoh 2 bulan selepas PKP ditamatkan akan menyebabkan sijil lesen bot ini dibatalkan
5. Prosedur permohonan pengeluaran Lesen Bersyarat adalah seperti di:-

[Lampiran 1](#) bagi carta alir,

[Lampiran 2](#) bagi Surat Aku Janji; dan

[Lampiran 3](#) bagi format Lesen Bersyarat.

(iii) *Inspection of the boats involved is mandatory within 2 months after the MCO is terminated*

AND

*The Owner of the Boat shall be required to submit a Letter of Undertaking to the Port Officer as proof of the seaworthiness of the boat, together with the following:*

- (i) *Boat safety record for the current one-year period;*
- (ii) *Boat maintenance records or boat record book) for a period recent years;*
- (iii) *Valid Certificate of Competency for Boat Master or Mate for a period of one years; and*
- (iv) *The Port Officer may demand additional information to his satisfaction before issuing of license.*

3. *In addition, it is the responsibility of the boat owner to ensure that a copy of the insurance or e-cover note is brought together when the boat is operating during the MCO period.*
4. *Failure of the boat owner to submit the application for the boat inspection to the Port Office within 2 month after MCO terminated will cause this boat license certificate to be revoked*
5. *The procedure for the issuance of the conditional license boat is describe as follows;-*

[Attachment 1](#) for the flow chart,

[Attachment 2](#) for Letter of Undertaking; and

[Attachment 3](#) for the conditional license format (Malay Language only)

Sebarang pertanyaan berkenaan Notis ini boleh diajukan kepada :

[registry@marine.gov.my](mailto:registry@marine.gov.my) , atau

**Pengarah**

Bahagian Pendaftaran Kapal,  
Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia  
Peti Surat 12 Jalan Limbungan,  
42007 Port Kelang, Selangor, Malaysia.

**Ketua Pengarah Laut**

**Tarikh : 05 Mei 2020**

*Inquiries concerning the subject of this Notice should be directed to:*

*[registry@marine.gov.my](mailto:registry@marine.gov.my) ,or*

***Director***

*Ship Registration Division,  
Marine Département Of Malaysia, HQ  
P.O. Box 12, Jalan Limbungan  
42007 Port Klang, Selangor, Malaysia*

**Director General of Marine**

**Date : 05 May 2020**